



PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PROGRAM ASASI PENGURUSAN

PUSAT ASASI PENGURUSAN, UUM
www.asasi.uum.edu.my

Selamat Datang Ke Universiti Utara Malaysia

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Syabas dan tahniah kerana anda berjaya terpilih menjadi sebahagian daripada ribuan pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM), sebuah universiti pengurusan yang terkemuka di negara ini.

Kejayaan anda melangkah ke Universiti merupakan satu amanah dan tanggungjawab terhadap diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara.

Anda insan yang terpilih untuk berada di menara gading bagi menelaah ilmu sebanyak mungkin sebelum menjadi warganegara yang mempunyai mentaliti kelas pertama.

Sehubungan itu, saya dan seluruh keluarga UUM gembira menerima anda dan mendoakan semoga kembara ilmu anda di UUM ini berjaya menuju matlamatnya satu hari nanti.

Kami di UUM ingin melihat anda berjaya dan meminta anda menggunakan sepenuhnya peluang ini untuk menimba ilmu dan pengalaman bagi menyiapkan diri untuk kembali berbakti kepada negara, masyarakat dan keluarga setelah tamat pengajian kelak.

Fikir dan lakukanlah pilihan yang terbaik dalam membuat setiap keputusan penting semasa belajar di UUM supaya ia merupakan satu keputusan yang terbaik untuk masa depan anda. Banyak pengorbanan dan pengurusan masa yang perlu dilakukan dengan sebaiknya untuk berjaya dalam pengajian secara sepenuh masa seperti yang anda semua ikuti ini.

UUM akan cuba memberikan khidmat terbaik kami bagi menjadikan kembara ilmu anda sesuatu yang menyeronokkan dan membantu anda dalam mengejar impian dan cita-cita murni negara.

"ILMU BUDI BAKTI"

**PROFESOR DATO' DR. MOHD FO'AD SAKDAN
Naib Canselor**

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
1.0 Panduan Pendaftaran	4
2.0 Syarat-syarat Tawaran Kemasukan Ke UUM	4
3.0 Tindakan Sebelum Pendaftaran Pelajar Baharu	5
4.0 Pendaftaran Pelajar Baharu Secara Atas Talian	5
5.0 Perkara yang Perlu diberi Perhatian Sebelum ke Kampus Secara Atas Talian	7
6.0 Pendaftaran Penginapan (INAPAN SISWA)	9
7.0 Semasa Hari Pendaftaran	9
8.0 Sahsiah Rupa Diri Semasa Mendaftar dan Minggu Suai Kenal	9
8.1 Sahsiah Rupa Diri Siswa	
8.2 Sahsiah Rupa Diri Siswi	
8.3 Kod Etika Pakaian Rasmi Universiti	
9.0 Tindakan Semasa Di Kaunter Pendaftaran	11
10.0 Peralatan/Keperluan Sepanjang Mengikut Pengajian di Universiti Utara Malaysia	12
11.0 Maklumat Umum	12
11.1 Maklumat Akademik	
11.2 Bahagian Perkhidmatan dan Sokongan Pelajar	
12.0 Pertanyaan dan Maklumat Lanjut	13
9.1 Tawaran Kemasukan	
9.2 Program Minggu Suai Kenal	
9.3 Kebajikan Pelajar	
9.4 Bayaran Yuran Pelajar	
9.5 Kolej Akademik	
9.6 Inapan Siswa	
13.0 Lagu Biru Warna	14
14.0 Peringatan Penting	14
15.0 Kalendar Akademik Sesi 2024/2025	15
16.0 Etika Pakaian Pelajar	16

1.0 PANDUAN PENDAFTARAN

1.1 TAWARAN KEMASUKAN KE UUM

Anda akan menerima dokumen-dokumen seperti berikut:

- a) Maklumat program yang ditawarkan
- b) Buku Panduan Pendaftaran Pelajar Baharu
- c) Maklumat Penting: Syarat-syarat Tawaran – Lampiran A
- d) Maklumat Berkaitan Kewangan dan Yuran Pengajian

1.2 Berikut adalah tindakan yang perlu diambil setelah hebahan keputusan kemasukan:

- a) Meneliti program pengajian yang ditawarkan bagi calon jaya
- b) Menjawab setuju terima atau menolak tawaran dalam tempoh yang ditetapkan. Sekiranya anda tidak menjawab terima/tolak dalam tempoh yang ditetapkan, pihak universiti menganggap bahawa anda tidak berminat dengan tawaran tersebut dan tawaran adalah **TERBATAL**.
- c) **SURAT TAWARAN** hanya boleh dicetak oleh calon mulai 29 Jun 2024.
- d) Meneliti setiap arahan dan mengambil tindakan yang perlu bagi mengelakkan berlaku sebarang kesilapan.

2.0 SYARAT-SYARAT TAWARAN KEMASUKAN KE UUM

Tawaran kemasukan ke UUM adalah tertakluk kepada perkara-perkara berikut:

- a) Tawaran kemasukan adalah **muktamad** dan tertakluk kepada **Syarat-syarat Tawaran**. Rujuk Lampiran A.
- b) Pengesahan kesihatan oleh Pegawai Perubatan Universiti Utara Malaysia. **Anda dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan dan x-ray di Pusat Kesihatan Universiti sahaja.** (Pemeriksaan kesihatan akan diaturkan oleh pihak UUM)
- c) Pihak universiti berhak menjalankan apa-apa ujian pengesahan dadah pada bila-bila masa selama tempoh anda menjadi pelajar di universiti ini. Jika anda didapati positif dadah semasa pemeriksaan, sama ada semasa pendaftaran atau semasa dalam pengajian, maka secara automatik status anda sebagai pelajar universiti ini akan digugurkan.
- d) Pihak universiti berhak menangguhkan kemasukan dan pengajian pelajar jika pelajar didapati menghidap penyakit berjangkit semasa pendaftaran atau dalam tempoh pengajian.
- e) Pengesahan oleh Senat Universiti.
- f) Bahawa tiada kesilapan/penipuan yang telah berlaku tentang kelayakan minimum yang diperoleh oleh anda untuk diterima masuk oleh universiti ini.
- g) Bahawa tiada maklumat yang tidak benar diberikan atau dirahsiakan semasa membuat permohonan masuk ke universiti ini.

- h) Selama tempoh pengajian di universiti ini, anda wajib mematuhi:
- (i) Undang-undang dan Perlembagaan Negara.
 - (ii) Akta Universiti dan Kolej (AUKU).
 - (iii) Statut Universiti.
 - (iv) Keputusan Lembaga Pengarah dan Senat Universiti serta keputusan Pusat Asasi Pengurusan yang berkenaan dengan saudara-saudari.
 - (v) Peraturan Lalu Lintas Universiti dan Akta Pengangkutan Jalan Raya (JPJ).
 - (vi) Kod Etika Pakaian Universiti.
- i) Jika anda telah bersetuju menerima tawaran ini, anda perlu menyempurnakan proses **pendaftaran pelajar baharu secara atas talian dalam tempoh yang ditetapkan**. Hanya pelajar yang telah mendaftar secara rasmi yang layak untuk masuk ke kampus UUM.
- j) Pendaftaran masuk kampus perlu **mengikut tarikh, masa dan inapan Siswa (INASIS) yang telah ditetapkan**. Maklumat INASIS akan dipaparkan dalam slip pendaftaran setelah selesai pendaftaran pelajar baharu secara atas talian.
- k) Jika anda menerima tawaran ini, sila ambil tindakan yang sewajarnya dan seterusnya mendaftarkan diri secara fizikal pada **21 Julai 2024 di Inapan Siswa**.
- l) Anda **diwajibkan** menyertai **Program Suai Kenal Sesi 2024/2025** bermula **21 hingga 23 Julai 2024** yang akan diadakan secara bersemuka.
- m) Sekiranya anda tidak mendaftar seperti **perkara (k)** dan tidak menghubungi Pusat Asasi Pengurusan, UUM dengan alasan yang munasabah secara bertulis di dalam tempoh **tujuh (7) hari** bermula dari tarikh pendaftaran, nama saudara/saudari akan digugurkan daripada senarai nama pelajar yang ditawarkan oleh universiti ini.
- n) Surat kelulusan menarik diri dari Pusat Asasi Pengurusan dan resit bayaran asal hendaklah dikemukakan bersama apabila memohon pemulangan yuran pengajian.
- o) **Universiti berhak menarik balik tawaran ini atau menggugurkan anda sebagai pelajar universiti ini jika pada mana-mana peringkat pengajian anda didapati melanggar mana-mana syarat seperti pada perkara (a) hingga (n) di atas.**
- p) **Jika anda menerima tawaran ini dan kemudiannya menarik diri selepas anda mendaftar, sebarang pemulangan balik yuran yang dibayar adalah tertakluk kepada peraturan kewangan universiti.**

3.0 TINDAKAN SEBELUM PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU

Sekiranya anda **telah bersetuju menerima tawaran** kemasukan ini, anda perlu:


- a) Mencetak Surat Tawaran untuk simpanan dan rujukan pelajar (mulai 21 Julai 2024). Nombor matrik adalah seperti yang tertera dalam surat tawaran.



- b) Memberi perhatian terhadap **USER NAME** dan **PASSWORD** untuk proses pendaftaran atas talian yang dibekalkan melalui:
 - i) portal semakan keputusan permohonan kemasukan.
 - ii) emel peribadi yang didaftarkan semasa mengemukakan permohonan kemasukan.
- c) Log masuk Portal Pendaftaran Pelajar Baharu melalui admission.uum.edu.my mulai **15 - 18 Julai 2024**.
- d) Mengemas kini Biodata Pelajar (pastikan maklumat diisi dengan tepat)
- e) Muat naik semua dokumen yang ***DISAHKAN** sebagaimana berikut:
 - i) Salinan Kad Pengenalan
 - ii) Salinan Sijil SPM/SVM/O-level/Setaraf

**Nota: Dokumen salinan hendaklah disahkan oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan A/ Pengetua/ Guru Besar/ Guru Penolong Kanan(Gred 41 ke atas)/ Wakil Rakyat/ Penggawa/ Penghulu/ Ketua Kampung/ Pengerusi JKKA (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung)/ Ketua Kaum/ Ketua Anak Negeri. Semua pegawai hendaklah warganegara Malaysia yang bermastautin di Malaysia. Cop pegawai hendaklah mempunyai nama dan jawatan pegawai serta jabatan atau alamat di mana pegawai bertugas.*

- f) Gambar berwarna pelajar berlatarbelakang **putih** (jelas keseluruhan muka pelajar) seperti manfaat spesifikasi berikut:



NOTE: Bright/ White Background Only

**Foto yang dimuatnaik akan digunakan sebagai rekod pelajar sepanjang pengajian.*

- g) Membuat bayaran yuran mengikut jumlah yuran seperti yang telah ditetapkan oleh Universiti. Status bayaran yuran akan dikemaskini dalam masa:
 - Satu (1) hari bekerja setelah bayaran yuran dibuat secara tunai di Bank Islam.
 - Tiga (3) hari bekerja setelah bayaran yuran dibuat secara atas talian. (Rujuk Maklumat Berkaitan Kewangan dan Yuran Pengajian)
- h) Lengkapkan borang maklumat peribadi pelajar yang dimuat turun semasa pendaftaran secara atas talian.
- i) Sila pastikan anda membawa salinan resit bayaran yuran apabila datang mendaftar bagi mengelakkan sebarang masalah semasa pendaftaran.
- j) Anda dinasihatkan menyimpan salinan resit bayaran yuran dengan baik sehingga tamat pengajian.

4.0 PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SECARA ATAS TALIAN

- i) Pendaftaran pelajar baharu secara atas talian hanya akan dapat dibuat setelah anda menyempurnakan semua langkah perkara 3.0.
- ii) Pendaftaran pelajar baharu boleh dicapai melalui admission.uum.edu.my (**mulai 15 - 18 Julai 2024**)
- iii) Proses pendaftaran pelajar baharu adalah selesai setelah pelajar mengesahkan pendaftaran dan mencetak **slip pendaftaran**.

PERINGATAN PENTING

Pelajar yang didapati memberi maklumat salah/tidak benar/manipulasi maklumat berkaitan dengan:

- Kewarganegaraan Malaysia, bangsa Melayu, Bumiputera Sabah/Sarawak.
- Keputusan peperiksaan dalam borang permohonan kemasukan.

Akan diambil tindakan tegas dengan:

- Menarik balik surat tawaran kemasukan.
- Dikenakan tindakan undang-undang. (Maklumat ini akan disemak secara terperinci oleh pihak universiti)

5.0 PERKARA YANG PERLU DIBERI PERHATIAN SEBELUM KE KAMPUS SECARA FIZIKAL

- a) Menyempurnakan bayaran yuran pendaftaran seperti yang ditetapkan dalam surat tawaran selewat-lewatnya 18 Julai 2024 untuk memastikan pendaftaran akademik secara atas talian berjalan lancar. Kegagalan menyempurnakan jumlah bayaran yuran dalam tempoh yang ditetapkan akan menyebabkan keseluruhan proses pendaftaran terjejas. Walau bagaimanapun, sekiranya pelajar menghadapi kekangan untuk menyempurnakan bayaran yuran yang ditetapkan, Universiti memberi laluan kepada pelajar yang dikategorikan sebagai B40 (berdaftar dengan eKasih, Jabatan Kebajikan Masyarakat) untuk mengemukakan permohonan bertulis bagi penangguhan bayaran kepada Pengarah, Pusat Asasi Pengurusan, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah.

- b) Menyempurnakan proses pendaftaran akademik secara atas talian dan mencetak dokumen yang diperlukan untuk tujuan kemasukan fizikal iaitu:
 - i) Salinan surat tawaran
 - ii) Salinan slip pendaftaran
- c) Memberi perhatian terhadap semua hebahan berkaitan tatacara dan prosedur kemasukan ke kampus secara fizikal untuk tujuan pendaftaran INASIS yang dikeluarkan oleh pihak Universiti dari semasa ke semasa.


6.0 PENDAFTARAN PENGINAPAN (INAPAN SISWA)

- 6.1 Maklumat pendaftaran Inapan Siswa (INASIS) adalah seperti berikut:

Tarikh: 21 Julai 2024 (Ahad)
Masa: 8.30 pagi – 11.00 pagi
Tempat: INASIS TNB (rujuk di slip pendaftaran sekiranya ada perubahan tempat)
- 6.2 Berikut adalah perkara yang perlu diberi perhatian ketika mendaftar di INASIS:
 - i) Pelajar diminta untuk mematuhi tempoh pendaftaran yang telah ditetapkan.
 - ii) Semasa pendaftaran penginapan, pelajar dikehendaki menunjukkan **Surat Tawaran*** dan **Slip Pendaftaran***
 - iii) Pelajar adalah tidak dibenarkan membawa kenderaan ke kampus.

***Nota: Kegagalan untuk mengemukakan dokumen di atas akan menjelaskan proses pendaftaran penginapan di INASIS.**

- 6.3 Peta laluan dari Changlun ke kampus UUM:



6.4 Sekiranya anda sekeluarga memerlukan penginapan, sila hubungi:

i. **University Inn**

University Inn menawarkan penginapan yang tenang dan selesa yang terletak di dalam kampus bagi kemudahan pengunjung dari luar. Lokasi hotel tersebut amat strategik kerana terletak berhampiran Masjid dan Varsity Mall. Tempahan dan maklumat lanjut, sila hubungi, Tel: 04-9244545, Faks: 04-923 2212.

ii. **Penginapan dalam Kampus**

Setiap Inapan Siswa menyediakan penginapan dalam kampus. Maklumat lanjut sila hubungi, Tel: 04-9284150.

iii. **Taman Siswa UUM**

Terletak di Bandar Darul Aman, Jitra, iaitu kira-kira 35 km dari UUM. Penginapan yang disediakan di Taman Siswa adalah berkonsepkan rumah tetamu tiga bilik. Tempahan dan maklumat lanjut, sila hubungi, Tel: 04-9199106/04-9199108

iv. **Hotel di Luar Kampus**

■ Hotel EDC UUM, Sintok	04-928 8888
■ Hotel Changlun, Changlun	04-924 1530
■ T-Hotel, Changlun	04-924 8888
■ GM Hotel, Changlun	04-924 9776
■ Hotel Bustani, Jitra	04-917 7777
■ Darulaman Suite, Jitra	04-917 2008
■ Hotel Grand Crystal, Alor Setar	04-731 3333
■ Hotel Seri Malaysia, Alor Setar	04-730 8737
■ Hotel Holiday Villa, Alor Setar	04-734 9999
■ Hotel Sentosa Regency, Alor Setar	04-730 3999
■ Raia Hotel, Alor Setar	04-740 3666
■ Grand Alora, Alor Setar	04-770 8888

7.0 SEMASA HARI PENDAFTARAN

DOKUMEN YANG PERLU DIBAWA SEMASA MENDAFTAR

- a) Slip pendaftaran
- b) Borang Maklumat Peribadi Pelajar
- c) Resit Pembayaran bil BIMB (sebagai bukti pembayaran)
- d) Salinan Kad Pengenalan Pelajar, Ibu bapa/Penjaga
- e) Salinan Sijil Kelahiran
- f) Salinan Slip Pendapatan Ibu dan Bapa/Surat Pengesahan Gaji
- g) Dokumen Sokongan sekiranya berkaitan:
 - Sijil Kematian
 - Sijil Cerai
 - Sijil Anak Angkat
 - Surat Pencen dan lain-lain
- h) Salinan Sijil SPM/SPMV/Setaraf

- i) Salinan Sijil Berhenti Sekolah
- j) Salinan Sijil Kokurikulum
- k) Borang Takaful
- l) Borang Kebenaran Bius

8.0 SAHSIAH RUPA DIRI SEMASA MENDAFTAR DAN MINGGU SUAI KENAL

8.1 SAHSIAH RUPA DIRI SEMASA MENDAFTAR

1. Semasa datang mendaftar anda mestilah memakai pakaian formal yang kemas, bersih, menutup aurat dan bersopan mengikut Kod Etika Pakaian Rasmi Universiti. Pakaian melambangkan keperibadian dan imej sebagai bakal mahasiswa UUM.
2. Pakaian yang kemas dan sopan ialah lambang ketinggian ilmu individu. Setiap urusan sama ada di bilik kuliah atau di pejabat ialah urusan rasmi. Amalkan cara berpakaian sopan dalam semua aktiviti dalam kampus.

8.2 SAHSIAH RUPA DIRI

- Berpakaian formal, bertali leher dan berseluas slack.
- Rambut mestilah pendek, kemas dan tidak dibenarkan mencecah kolar baju.
- Berkasut dan tidak dibenarkan memakai selipar.
- Semua jenis pakaian mestilah kemas dan sopan dan dilarang memakai pakaian yang ketat, jarang, pendek, berbelah mendedahkan mana-mana bahagian badan seperti di bahagian lutut, dada dan perut.
- Tidak digalakkan memakai barang kemas.
- Bersepatu dan tidak dibenarkan memakai selipar.

8.3 MINGGU SUAI KENAL (MSK)

1. Semua pelajar adalah **DIWAJIBKAN** menghadiri semua sesi MSK yang telah diaturkan.
2. Kegagalan pelajar menghadiri MSK dengan sepenuhnya akan menyebabkan pelajar dihalang untuk mengikuti pengajian di UUM.
3. Sepanjang tempoh MSK, pelajar akan dibantu oleh Ahli Jawatankuasa Suai Kenal (AJKS).

8.4 KOD ETIKA PAKAIAN SEPANJANG MINGGU SUAI KENAL (MSK)

Pelajar dikehendaki membawa pakaian dan keperluan berikut:

1. Pakaian semasa Minggu Suai Kenal.

Lelaki: Tertib dan bertali leher

Perempuan: Tertib

2. Pakaian semasa Program Ikrar

- Lelaki:**
- ✓ Baju kemeja lengan panjang berwarna putih
 - ✓ Seluar slack berwarna hitam
 - ✓ Tali leher hitam
 - ✓ Berkasut hitam bertutup

Perempuan Pelajar Islam

- ✓ Baju kurung berwarna putih
- ✓ Kain berwarna hitam
- ✓ Tudung putih
- ✓ Berkasut hitam bertutup

Pelajar Bukan Islam

- ✓ Baju kemeja lengan panjang berwarna putih/ Baju kurung berwarna putih
- ✓ Kain berwarna hitam
- ✓ Berkasut hitam bertutup

9.0 TINDAKAN SEMASA DI KAUNTER PENDAFTARAN

- Anda dikehendaki melaporkan diri pada **21 Julai 2024 di Inapan Siswa TNB**
- Tindakan yang perlu diambil adalah seperti berikut:

SEMASA PENDAFTARAN	
INAPAN SISWA	<ul style="list-style-type: none"> • Mengemukakan slip pendaftaran • Pelajar dikehendaki mengambil kunci bilik masing-masing.

PENTING:

Nombor matrik adalah seperti yang tertera dalam surat tawaran.

10.0 PERALATAN/KEPERLUAN SEPANJANG MENGIKUTI PENGAJIAN DI UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

10.1 KADEAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Pengajaran dan pembelajaran bagi Sesi Akademik 2024/2025 (AP241) adalah secara bersempua.

10.2 KEPERLUAN PERIBADI

Untuk keselesaan pelajar baharu tinggal di INASIS, barang-an-barangan berikut perlu disediakan sendiri.

- Bantal
- Selimut
- Set sarung bantal dan cedar size bujang
- Bekalan ubat-ubatan peribadi
- Barang-barang keperluan peribadi (baldi, tuala, sabun mandi dan lain-lain)
- Pakaian harian secukupnya.

11.0 MAKLUMAT UMUM

11.1 BAHAGIAN PERKHIDMATAN DAN SOKONGAN PELAJAR (STUDENTS SUPPORT AND SERVICE DIVISION - SSSD)

- Bahagian Perkhidmatan dan Sokongan Pelajar (SSSD), merupakan bahagian yang bertanggungjawab mengendalikan urusan kebaikan pelajar yang meliputi biasiswa/pinjaman, dermasiswa, khairat kematian pelajar/waris, bantuan kewangan, insurans pelajar serta menyelesaikan dan menangani kes-kes kewangan pelajar di Universiti Utara Malaysia (UUM).
- SSSD bertindak sebagai perantaraan kepada agensi-agensi kerajaan, badan berkanun, sektor swasta dan individu yang menawarkan biasiswa dan bantuan kewangan kepada semua pelajar sepenuh masa Universiti Utara Malaysia (UUM).
- Berikut adalah fungsi SSSD:

Fungsi	No. Telefon
Unit Pentadbiran/Zakat/ILC/OKU/Orang Asli	04-928 4089
Unit Pinjaman/Tajaan/Biasiswa/PTPTN	04-928 4085
Unit Kebajikan	04-928 4088
Emel rasmi SSSD: sssdhep@uum.edu.my/	
No. Tel Khidmat Pelanggan: 04-928 4088/86/83	

11.2 PERSEDIAAN SEBELUM MEMBUAT PERMOHONAN

- Pelajar **PERLU membuka akaun simpanan (persendirian) Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)** sebagai persediaan untuk membuat permohonan.

11.3 PERTANYAAN/RUJUKAN

Semua pelajar dinasihatkan agar menghubungi/berjumpa dengan pegawai dan kakitangan bahagian perkhidmatan dan sokongan pelajar (SSSD) jika mempunyai sebarang masalah dan pertanyaan.

12.0 PERTANYAAN DAN MAKLUMAT LANJUT

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut mengenai pendaftaran kemasukan ini sila hubungi:

12.1 Tawaran Kemasukan (Pendaftaran & MSK)

Pusat Asasi Pengurusan
Universiti Utara Malaysia

Tel.: 04 928 3451/3459
Faks: 04 928 3453
E-mel: asasi@uum.edu.my

12.2 Penginapan Pelajar

Inapan Siswa TNB
Universiti Utara Malaysia

Tel.: 04-928 4563

12.3 Urusan Kebajikan

Bahagian Perkhidmatan dan Sokongan Pelajar
Jabatan Hal Ehwal Pelajar
Universiti Utara Malaysia

Tel.: 04-928 4082
Faks: 04 928 4016

12.4 Bayaran Yuran Pelajar

Unit Biasiswa
Jabatan Bendahari
Universiti Utara Malaysia

Tel.: 04-928 3203
Faks: 04 928 3299

13.0 LAGU UNIVERSITI

BIRU WARNA

Kami Anak Alam Insan Tuhan
Ngembara Langit Biru Mencari Ilmu
Berteman Kebudiman
Bina Nusa Bina Dunia Sejahtera
UNIUTAMA Ibu Yang Tercinta
Kami Doa Lanjut Usia Bahagia
Kami Janji Hormati Pesanmu
ILMU BUDI DAN BAKTI

14.0 PERINGATAN PENTING

Pelajar yang didapati memberi maklumat salah/tidak benar/manipulasi maklumat berkaitan dengan:

- Kewarganegaraan Malaysia, bangsa Melayu, Bumiputera Sabah/Sarawak
- Keputusan peperiksaan dalam borang permohonan kemasukan.

Akan diambil tindakan tegas dengan:

- Menarik balik surat tawaran tersebut.
- Dikenakan tindakan undang-undang.

Maklumat ini akan disemak secara terperinci pada hari pendaftaran pelajar baru.

SEKIRANYA ANDA MELAKUKANNYA, BAGI MENJAGA KEPENTINGAN DIRI SENDIRI, ANDA DINASIHATKAN SUPAYA TIDAK HADIR MENDAFTAR.

“AMARAN”

JIKA ANDA SEORANG PENAGIH, PENGEDAR ATAU TERLIBAT DENGAN PENYALAHGUNAAN DADAH, ANDA TIDAK LAYAK UNTUK MENDAFTAR ATAU MENJADI PELAJAR UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

15.0 KALENDAR AKADEMIK SESI 2024/2025

SEMESTER PERTAMA (AP241)

AKTIVITI	TARIKH	TEMPOH	CATATAN
Pendaftaran Pelajar Baru & Suai Kenal	21 Julai 2024 (Ahad) – 23 Julai 2024 (Selasa)	3 hari	
Tempoh Pengajaran	24 Julai 2024 (Rabu) – 20 Ogos 2024 (Selasa)	4 minggu	
Cuti Pertengahan Semester	21 Ogos 2024 (Rabu) – 24 Ogos 2024 (Sabtu)	4 hari	
Tempoh Pengajaran	25 Ogos 2024 (Ahad) – 12 September 2024 (Khamis)	3 minggu	Cuti: Hari Kebangsaan, 31 Ogos 2024 (Sabtu)
Minggu Ulang Kaji	13 September 2024 (Jumaat) – 16 September 2024 (Isnin)	4 hari	Cuti: Maulidur Rasul, 16 September 2024 (Isnin) Hari Malaysia, 16 September 2024 (Isnin)
Peperiksaan	17 September 2024 (Selasa) – 21 September 2024 (Sabtu)	5 hari	
Cuti Antara Semester	22 September 2024 (Ahad) – 28 September 2024 (Sabtu)	7 hari	

SEMESTER KEDUA (AP242)

AKTIVITI	TARIKH	TEMPOH	CATATAN
Tempoh Pengajaran	29 September 2024 (Ahad) – 14 November 2024 (Khamis)	7 minggu	Cuti: Hari Deepavali, 31 Oktober 2024 (Khamis)
Cuti Pertengahan Semester	15 November 2024 (Jumaat) – 23 November 2024 (Sabtu)	9 hari	
Tempoh Pengajaran	24 November 2024 (Ahad) – 09 Januari 2025 (Khamis)	7 minggu	Cuti: Hari Krismas, 25 Disember 2024 (Rabu)
Minggu Ulang Kaji	10 Januari 2025 (Jumaat) – 18 Januari 2025 (Sabtu)	9 hari	
Peperiksaan	19 Januari 2025 (Ahad) – 25 Januari 2025 (Sabtu)	7 hari	
Cuti Antara Semester	26 Januari 2025 (Ahad) – 08 Februari 2025 (Sabtu)	14 hari	Cuti: Israk & Mikraj, 27 Januari 2025 (Isnin) Tahun Baru Cina, 29 & 30 Januari 2025 (Rabu & Khamis)

SEMESTER KETIGA (AP243)

AKTIVITI	TARIKH	TEMPOH	CATATAN
Tempoh Pengajaran	09 Februari 2025 (Ahad) – 29 Mac 2025 (Sabtu)	7 minggu	Cuti: Hari Thaipusam, 11 Februari 2025 (Selasa) Awal Ramadan, 01 Mac 2025 (Sabtu)
Cuti Pertengahan Semester	30 Mac 2025 (Ahad) – 05 April 2025 (Sabtu)	7 hari	Cuti: Hari Raya Aidilfitri, 31 Mac 2025 & 01 April 2025 (Isnin & Selasa)
Tempoh Pengajaran	06 April 2025 (Ahad) – 24 Mei 2025 (Sabtu)	7 minggu	*Peperiksaan MUET Sesi 1/2025 Cuti: Hari Pekerja, 01 Mei 2025 (Khamis) Hari Wesak, 12 Mei 2025 (Isnin)
Minggu Ulang Kaji	25 Mei 2025 (Ahad) – 31 Mei 2025 (Sabtu)	7 hari	
Peperiksaan	01 Jun 2025 (Ahad) - 14 Jun 2025 (Sabtu)	14 hari	Cuti: Hari Keputeraan YDP Agong, 03 Jun 2025 (Selasa) Hari Raya Aidiladha, 7 & 8 Jun 2025 (Sabtu & Ahad)

16.0 ETIKA PAKAIAN PELAJAR


UUM
Universiti Utara Malaysia

 **CONTOH PAKAIAN YANG DIBENARKAN (WAKTU PEJABAT/RASMI)**
Example of Clothes That Are Allowed (Office hours/Official)



 **CONTOH PAKAIAN YANG DIBENARKAN (LUAR WAKTU PEJABAT/TIDAK RASMI)**
Example of Clothes That Are Allowed (After Office hours/Unofficial)



Nota: Semua Jenis Pakaian Mestilah Sopan
Note: Wear Proper Attire

PERINGATAN !

Semua pelajar dikehendaki mematuhi Etika Pakaian Rasmi Pelajar semasa berurusan dengan pihak universiti. Tindakan tatatertib akan dikenakan kepada pelajar yang tidak mematuhi peraturan ini mengikut syarat dan peraturan Universiti Utara Malaysia (Tatatertib pelajar-pelajar) 1999, AUKU.

REMINDER !

*All students must adhere to the Student Dress Code when dealing with university matters.
Disciplinary action will be taken against students who do not follow these guidelines in accordance with the rule and regulations of Universiti Utara Malaysia (Student Code of Conduct) 1999, AUKU.*



RAMBUT LELAKI (*Hair for men*)
Rambut tidak mencecah kollar.
Hair length should not touch the collar.



RAMBUT PEREMPUAN (*Hair for women*)
Bagi pelajar yang tidak memakai tudung rambut perlu berada dalam keadaan kemas.
Hair must be neat and tidy for students not wearing scarves.

Aktiviti Sukan:
Pakaian Sukan.
Sports Activities:
Sports Attire.

Aktiviti Rekreasi:
Baju-T berlengan *track bottom* atau seluar panjang.
Recreational Activities:
Sleeved T-Shirt and track bottom.

Aktiviti Kokurikulum:
Pakaian seragam kokurikulum atau baju-T berkollar berlengan berwarna putih tanpa sebarang tulisan dan *track bottom*
berwarna hitam serta berkasut sukan warna putih.

Co-curricular Activities:
Co-curricular Uniform or white collared T-shirt with sleeved (no wording) and black track bottom with white sport shoes.

KELONGGARAN : EXCEPTIONS:

Perpustakaan:
Boleh memakai kemeja tanpa tali leher atau baju-T berkollar di luar waktu pejabat.
Library:
Attire without ties or collared T-Shirt after office hours are allowed

Zon Inapan Siswa (INASIS):
Boleh memakai baju-T berkollar berlengan dan berseluar panjang.
Student Accommodation Zone:
Collared and sleeved T-Shirt and slack are allowed.

Pusat Kesihatan & Kesejahteraan Universiti: Universiti:
Seperti di Zon Inapan Siswa (INASIS), jika diluar waktu pejabat.
University Health Centre:
As in Student Accommodation Zone (INASIS) after office hours

"BERPAKAIAN KEMAS LAMBANG KEPERIBADIAN MULIA"
"SMART DRESSING REFLECTS GOOD CHARACTER"





ILMU , BUDI . BAKTI